



21 September 2025

BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Alexander Nenotek

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

ZON BI: REV NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

ZON BM:

- **Paderi Penasihat:**

Revd. Samamadin Uloi

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

GEREJA MISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

Mesej Rektor



RETRET PARA PEMIMPIN DIOSIS KAWASAN SELATAN DIOSIS SABAH

Bukankah kamu mengatakan: Empat bulan lagi tibalah musim menuai? Tetapi Aku berkata kepadamu: Lihatlah sekelilingmu dan pandanglah ladang-ladang yang sudah menguning dan matang untuk dituai. (Yohanes 4:35)

Kami bersyukur kerana Retret Para Pemimpin Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah telah berlansung dengan baik walaupun terdapat gangguan elektrik sepanjang program dua setengah hari tersebut. Retret ini bermula pada petang 14 September (Ahad) dan berakhir pada tengah hari 16 September (Selasa). Para pemimpin, terutamanya para paderi dan ahli PCC, benar-benar mengalami persekutuan yang "hangat", serta membina persahabatan dan kerjasama baharu di seluruh kawasan Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah yang merangkumi Tungku, Silabukan, Lahad Datu, Kunak, Semporna, Tawau, Merotai, Kalabakan, Sapulut dan Nabawan.

Tema Retret yang pertama ini adalah "Lift Up Your Eyes". Bishop Suffragan Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah, iaitu Bishop John Yeo, telah memberikan gambaran keseluruhan serta cabaran pelayanan di kawasan ini, dan berkongsi matlamat yang ingin dicapai dalam tempoh lima tahun akan datang termasuklah menambahkan lebih ramai pekerja, menanam gereja-gereja baharu, memperbanyakkan Daerah Misi dan menubuhkan Arkideakonri Misi yang baharu di Kalimantan Utara.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>



dari muka surat sebelah...

Bishop John Yeo juga menggalakkan semua jemaah supaya menjadi lebih kukuh dari segi kewangan dan kurangkan bergantung kepada sokongan pusat (Diosis) untuk memperluaskan Kerajaan Allah. Antara matlamat segera adalah agar semua gereja menubuhkan jawatankuasa pembangunan dan penyelenggaraan masing-masing supaya setiap gereja terjaga dengan baik serta sesuai untuk pelayanan. Retret ini turut disertai dengan dua sesi penting mengenai Kewangan serta Pembangunan/ Penyelenggaraan yang disampaikan oleh ahli-ahli PCC kita sendiri iaitu En. Mauming Singkung dan En. Ho Ken Kong.

Retret ini berakhir dengan pelantikan dan pemilihan pemegang jawatan bagi tahun 2025/2026 seperti yang dikehendaki oleh Jawatankuasa Tetap Diosis. Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

1. Pengerusi:

- Bishop John Yeo

2. Setiausaha Kehormat:

- Revd. Sim Ka Seng

3. Bendahari Kehormat:

- En. Mauming Singkung

4. Pembangunan & Penyelenggaraan:

- En. Ho Ken Kong

5. Wakil Paderi 1:

- Revd. Tutik Garuda

6. Wakil Paderi 2:

- Revd. Jakobus Chong

7. Wakil Awam 1:

- En. Sakaria Ola

8. Wakil Awam 2:

- Ps. Jelule Tangki

Kami bersyukur kepada Tuhan atas Retret Para Pemimpin Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah yang pertama ini, dan para pemimpin yang hadir menyatakan hasrat untuk mengadakan retret atau konferensi setiap tahun bagi meningkatkan kemahiran kepimpinan, memperkasakan pelayanan yang berkesan, memperbaiki penyelenggaraan gereja-gereja serta memperjelas hala tuju dan matlamat.

NOTIS

Kelompok Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi berjalan seperti biasa pada minggu ini.

MENARA DOA

22 September 2025 (Isnin)
7:30malam | Gereja St. Patrick

PENGUMUMAN PERKAHWINAN

Pengumuman Ketiga

**Shim Khian Fen &
Pamella Sylvia Ann Kelasi**

KEBAKTIAN PERNIKAHAN KUDUS

27 September 2025 (Sabtu)
9:00pagi
Gereja St. Patrick

Sekiranya jemaah mengetahui sebab pasangan ini tidak boleh disatukan dalam nikah kudus, sila maklumkan kepada pihak gereja.

PELAYANAN PADERI

1. Bishop John Yeo

Gereja Misi St. Philip, Segama
20 - 21 September 2025.

2. Revd. Samamadin Uloi

Gereja St. Matthew, Semporna
20 - 21 September 2025.

JAWATAN KOSONG

SEKOLAH MENENGAH VISI

Warden Lelaki (Sambilan)

- Tidak memerlukan pengalaman
- Mempunyai kenderaan sendiri
- Memiliki hati yang ingin melayani
- Boleh bertutur tiga bahasa (*diutamakan*)
- Hari & waktu bekerja:
Khamis (5:00 petang – 11:00 malam)
Jumaat (5:00 petang – 11:00 malam)
Ahad (2:30 petang – 9:30 malam)
- Makan malam disediakan

Tukang Masak Asrama (Sambilan)

- Boleh masak pelbagai jenis hidangan (*diutamakan*)
- Mempunyai kenderaan sendiri
- Memiliki hati yang ingin melayani
- Hari bekerja: Isnin – Jumaat (5:00 pagi – 8:00 pagi)
- Sarapan disediakan

PENGAMBILAN PELAJAR **SEKOLAH VISI 2026**

Hari Terbuka

Sekolah Antarabangsa Visi
26 September 2025 (Jumaat)
8:00pagi - 11:30pagi

Ujian Kemasukan

Sekolah Menengah Visi
04 Oktober 2025 (Sabtu)
8:00pagi - 1:00petang
Subjek: Bahasa Malaysia,
Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin

Untuk pertanyaan dan maklumat lanjut,
sila hubungi nombor di bawah:

Sekolah Menengah Visi: 011-16549980

BANGUNLAH, HAI JIWAKU!

MAZMUR 57:1-12

1. Bangunlah! Berlindung kepada Allah yang setia (57:1-7)

- Dalam penderitaan, bersandarlah pada Allah, bukan pada hikmat sendiri (ayat 2-3)
- Penderitaan hanya sementara, tetapi kesetiaan Allah kekal (ayat 4-6)

2. Bangunlah! Jiwaku akan menyembah Allah (57:8-12)

- Jiwa yang terbangun memuji Tuhan, bukan tinggal dalam belas kasihan diri

Penerapan Firman Tuhan:

1. Ketika anda melalui “lembah-lembah” dalam hidup, apakah pengertian atau pelajaran rohani yang anda peroleh daripadanya?
2. Apabila memilih untuk tetap menyembah di tengah penderitaan, apakah bahagian yang paling sukar? Bagaimanakah anda menghadapinya?
3. Jika anda perlu memberikan respon terhadap mesej hari ini dalam satu ayat, dalam bahagian manakah anda merasakan Tuhan sedang mengingatkan anda untuk “bangun”? (*Contoh: iman, pengharapan, kesyukuran, penyembahan, penyerahan, pengampunan...*)